



TEKS UCAPAN

YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI

KETUA MENTERI MELAKA

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN JELAJAH

AGROPRENEUR MUDA NEGERI MELAKA

27 JUN 2020 (SABTU) | MASA: 10:00 PAGI

DEWAN DATUK HJ. AHMAD ITHNIN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang saya hormati Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah,
Timbalan Menteri 1 Kementerian Pertanian dan Industri
Makanan (MOA) merangkap Ahli Parlimen Jasin;

Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hassan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Norhizam bin Hassan Baktee,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pertanian, Penternakan,
Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap ADUN
Pengkalan Batu;

Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan
Industri Makanan (MOA);

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin bin Yang Razali,
Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
(FAMA);

Yang Berbahagia Hajah Norlizah binti Haji Muhamad,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga
Pertubuhan Peladang (LPP);

Pengarah-Pengarah Negeri Jabatan dan Agensi di bawah MOA;

Ketua Jabatan atau Wakil dari Kerajaan Negeri Melaka;

Rakan-rakan Media;

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini, di Majlis Perasmian Jelajah Agropreneur Muda Negeri Melaka bersempena Program Penyerahan Geran Agropreneur Muda.

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri 1, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) kerana telah berjaya menganjurkan majlis yang penuh bermakna ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja MOA yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini khususnya pihak Pengurusan Tertinggi

MOA termasuk Pengarah-Pengarah Negeri bagi Jabatan dan Agensi di bawah MOA.

3. Saya sangat berbangga dengan anak muda pada hari ini khususnya anak muda negeri Melaka yang telah mula celik mata terhadap kepentingan industri pertanian dan makanan dekad ini. Justeru, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Melaka sentiasa prihatin terhadap industri pertanian dan makanan yang saban hari kian berkembang. Saya menyokong penuh di atas usaha untuk menggalakkan penglibatan golongan

muda khususnya dalam perusahaan industri ini selain dapat memacu pertumbuhan semula ekonomi negeri selepas pandemik COVID-19.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

KEPENTINGAN SEKTOR PERTANIAN DAN MAKANAN

4. Setiap hari kita pasti akan mengambil makanan sama ada nasi, ikan, sayur, buah dan sebagainya. Namun, beringatlah

bahawa setiap makanan yang dimakan ada pesawah yang mengusahakan sawah padi bagi menghasilkan beras. Ada juga penternak yang menternak lembu, kambing dan ayam untuk dijadikan sebagai lauk pauk kita, ada petani yang menanam sayur sebagai ulaman dan menjadi penambah rasa. Disebabkan itu, kita perlu menghargai usaha dan titik peluh yang dihasilkan oleh mereka yang terus bekerja membanting tulang bagi menyediakan bekalan makanan khususnya di negeri ini.

5. Semasa tempoh awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita dapat saksikan sendiri bagaimana Kerajaan begitu memahami sektor pertanian dan makanan sehingga meletakkan industri ini sebagai indikator terpenting di negara kita. Para peladang, penternak dan nelayan diberikan keutamaan sehingga ditetapkan sebagai **perkhidmatan utama** atau **essential service** yang dibenarkan untuk beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP). Mereka diberikan kebenaran khas untuk beroperasi, malah turut disediakan *special lane* di sekatan jalan raya bagi memastikan bekalan

makanan negara mencukupi dalam tempoh krisis setara dengan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan negara.

6. Dengan itu, kita perlulah menyokong industri ini yang telah menjadi tulang belakang dalam menghasilkan bekalan makanan di negara amnya dan negeri Melaka khususnya. Mungkin segelintir daripada kita tidak sedar betapa banyaknya pengorbanan mereka tidak kira teriknya matahari atau hujan yang menimpa demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Hadirin sekalian,

SEKTOR PERTANIAN DI MELAKA

7. Sebagaimana semua sedia maklum, negeri Melaka sememangnya terkenal dengan daya tarikan bagi sektor pelancongan. Namun, jangan kita lupa bahawa sektor pertanian juga tidak kurang pentingnya dalam aspek pembangunan ekonomi negeri Melaka. Berdasarkan Anggaran Bilangan

Petani Mengikut Negeri 2018, terdapat **6,053 petani** di negeri Melaka meliputi pelbagai jenis tanaman.

8. Manakala, bagi sektor perikanan, berdasarkan statistik Jabatan Perikanan pada tahun 2018, Melaka mempunyai seramai **942 orang** nelayan dengan jumlah vessel/ sebanyak **814 buah**. Berdasarkan Perangkaan Ternakan Negeri Melaka 2018 pula, jumlah ternakan termasuk ternakan ruminan, bukan ruminan dan unggas, terdapat lebih **30.28 juta ekor** ternakan di Melaka bersamaan dengan **2,174 orang** penternak.

9. Ini menunjukkan bahawa Melaka mempunyai potensi besar untuk terus mengembangkan sektor pertanian sama ada dalam bidang tanaman, ternakan dan perikanan pada masa akan datang. Saya percaya dengan sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan terutamanya melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Melaka sudah tentu mampu menyumbang dengan lebih besar lagi kepada sekuriti makanan di negara ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM SEKTOR PERTANIAN

10. Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah merancang pelbagai program yang bermanfaat kepada golongan muda. Program Agropreneur Muda merupakan antara program khusus untuk menggalakkan

golongan muda terlibat dalam sektor pertanian. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah sebentar tadi, Program Agropreneur Muda ini dapat membantu anak-anak muda dari segi *access to capital* atau bantuan kewangan serta khidmat nasihat teknikal yang berkaitan dengan sektor pertanian. Oleh itu, saya juga ingin menyeru kepada seluruh anak muda di Melaka untuk menggarap peluang ini bagi melibatkan diri dalam sektor pertanian dan makanan.

11. Sesungguhnya, Negeri Melaka mempunyai banyak tanah pertanian di kawasan luar bandar yang boleh diusahakan. Menurut data Jabatan Pertanian yang dikeluarkan melalui Statistik Tanaman pada tahun 2019, Melaka mempunyai sebanyak **1,915 lot** tanah terbiar yang sesuai untuk dijadikan kawasan pertanian dengan keluasan **2,332 hektar**. Oleh itu, Saya yakin dengan hubungan erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, kita pasti dapat merancang dan mengusahakan satu kerjasama yang jitu untuk mencapai kemajuan bagi sektor pertanian ini. Hal ini sudah pasti akan

memberikan manfaat yang besar dan impak positif khususnya kepada rakyat Melaka.

Hadirin dan Hadirat yang dikasihi,

GALAKAN KEPADA GOLONGAN MUDA

12. Anak-anak muda merupakan aset penting yang menjadi penyumbang kepada negeri dalam mencapai kemajuan dan kejayaan khususnya dalam sektor pertanian dan makanan.

Mereka adalah pelapis pada masa akan datang sama ada dari segi kepimpinan atau sumbangan kepada ekonomi negeri Melaka. Anak-anak muda juga perlu dibimbing, dibantu dan dipimpin untuk mewarisi kita semua.

13. Kepada anak-anak muda, ingatlah bahawa usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini adalah untuk kesejahteraan anda semua di masa akan datang. Malah, Program Agropreneur Muda yang mula dilaksanakan sejak tahun 2016 ini telah menunjukkan kesan positif dan

membuahkan hasil sehingga melahirkan ramai usahawan belia tani yang berjaya sehingga kini. Lebih-lebih lagi, apabila saya dimaklumkan ramai golongan muda turut terkesan akibat pandemik COVID-19 sehingga ada yang telah hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Inilah masa yang terbaik untuk anda semua merebut manfaat ini, terlibat dalam sektor pertanian dalam memacu kejayaan diri, negeri dan negara pada masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati,

PENUTUP

14. Terima kasih kerana sudi bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam menggembeng tenaga bagi memperkasa ekonomi di peringkat nasional sekali gus mencapai misi sektor pertanian negeri iaitu *“Ke Arah Industri Pertanian Yang Berdaya Saing, Produk Berkualiti dan Selamat serta Pengeluaran yang Mesra Alam Berorientasikan Eksport”*.

15. Akhir kata, sukacita dan bangganya, dengan lafaz بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ saya merasmikan **Program Jelajah Agropreneur Negeri Melaka tahun 2020.**

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-